



PENANG FREE SCHOOL

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
TINGKATAN 5  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019  
BAHASA MELAYU  
KERTAS 2  
2 ½ Jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawaban bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan Teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawaban boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.*

### **Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **strategi kerajaan untuk memperkasakan bidang kemahiran dan kepentingannya kepada negara**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 sememangnya memerlukan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam bidang kemahiran dan teknologi. Peratusan jumlah tenaga mahir di Malaysia sangat rendah, hanya 28 peratus berbanding Finland yang mempunyai 100 peratus tenaga mahir, manakala Jerman sudah mencapai 80 peratus.

Kerajaan telah mengorak langkah dengan menaik taraf sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional. Dengan meningkatkan tahap kelulusan daripada sijil kepada diploma mampu *melonjakkan keyakinan* pelajar yang selama ini merasakan bidang ini tiada masa hadapan. Kita harus sedar bahawa bukan semua pelajar mampu mengikuti aliran akademik, maka suatu alternatif patut diberikan kepada pelajar yang berminat dengan kemahiran. Di samping itu, bagi memastikan lulusan kolej vokasional mendapat pekerjaan selepas tamat belajar, jalinan kerjasama antara kolej vokasional dengan syarikat swasta atau kerajaan amat perlu untuk memenuhi kehendak pasaran.

Sesungguhnya , bidang latihan kemahiran merupakan usaha penting dalam pembangunan modal insan yang mampu mentransformasikan ekonomi negara. Oleh itu, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) turut memberikan peluang kepada remaja mempelajari bidang kemahiran. Sistem pendidikan dari Jerman itu merupakan wadah menjana tenaga mahir negara yang menggabungkan latihan praktikal di industri dan pengetahuan teori di pusat latihan. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan Malaysia memperluas Program Perintis Industri Menengah Atas (PIMA) di semua sekolah bermula tahun 2018. Program ini menetapkan 70 peratus pembelajaran di industri dan 30 peratus pengajian akademik.

Sementara itu, pada peringkat pengajian tinggi pula, kerajaan menggalakkan pihak industri menawarkan biasiswa kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran. Sesungguhnya, langkah ini berupaya melahirkan lebih banyak pelajar berkemahiran. Tidak dapat dinafikan, di sebalik usaha proaktif, masih terdapat persepsi negatif seperti masyarakat melabelkan bidang ini sebagai pilihan kedua. Malah ada yang beranggapan, bidang ini hanya untuk pelajar yang gagal dalam bidang akademik. Turut terdengar suara-suara sumbang yang mengatakan bahawa bidang kemahiran tidak mempunyai kehendak pasaran. Oleh hal yang demikian, kerajaan telah mewajibkan lepasan SPM untuk menyambung ke institusi pengajian berteraskan latihan teknikal seandainya mereka tidak berminat dalam akademik.

Tuntasnya, kerajaan melakukan perubahan dari segi mutu pendidikan dan prasarana agar mampu menandingi kolej lain dalam usaha memperkasakan bidang ini. Semua inisiatif yang dirangka oleh kerajaan bertujuan untuk mengangkat kembali bidang kemahiran setanding dengan pendidikan akademik. Dunia yang semakin mencabar memerlukan tenaga mahir dan memiliki kemahiran insaniah yang seimbang tanpa meminggirkan bidang akademik. Kajian terdahulu membuktikan bahawa graduan latihan kemahiran di negara maju seperti Australia, Jepun, Jerman dan Amerika Syarikat merupakan penyumbang terbesar dalam pembangunan negara mereka.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
“Ayuh Perkasakan Bidang Kemahiran”,  
oleh Samat Buang Dewan Siswa, September 2018)

### **Pemahaman: Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melonjakkan keyakinan?* [2 markah]
- (ii) Pengarang mengatakan bahawa terdapat beberapa pandangan negatif masyarakat terhadap bidang kemahiran.  
Nyatakan pandangan-pandangan tersebut? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya negara kita terlalu bergantung kepada tenaga mahir dari luar negara?  
[4 markah]

### **Soalan 2(b) Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarang. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

Tiba-tiba aku teringat akan makam Mevlana Celaleddin Ar-Rumi yang berasal dari Rom dan dikebumikan di Konya .Mevlana telah menulis lebih daripada 25 000 buah puisi sufi. Sepanjang hayat, penyair hebat ini menyebarkan tauhid kepada penduduk Konya sehingga Islam tersebar. Tarian Darwis dengan para penari bertarbus tinggi dan berjubah putih berpusing seperti putaran gasing melambangkan penghargaan terhadap jasa Mevlana.

Pengikut-pengikutnya membaling wang syiling ke dalam kolam khas sambil memanggil nama Celaleddin dengan harapan doa mereka akan dikabulkan. Pengikut-pengikutnya meratap menangis di tepi kuburnya seakan-akan tidak rela dengan pemergiannya. Barangkali jika Mevlana masih hidup, dia sendiri akan menulis puisi menentang sebarang bentuk pendewaan terhadap dirinya.

Dipetik daripada cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan, kenapakah jaket kulit itu dikatakan tidak praktikal oleh penulis ? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pembuatan peralatan daripada kulit binatang harus diharamkan? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan? [4 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja *suluh perahu Siam* itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
Dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *suluh perahu Siam*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Tun Umar setelah disuruh oleh Bendahara Paduka Raja untuk menyuluh perahu Siam? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan menyusun strategi peperangan oleh seseorang panglima dalam sesuatu peperangan pada zaman dahulu? [3 markah]

## Soalan 2 (d) – Sajak

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga ***disirami benih keinsafan***  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atas angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

*Suara Anak Pahang, 2009  
Pekan Ilmu Sdn. Bhd. Antologi Sejadah Rindu*

- (i) Berikan maksud frasa ***disirami benih keinsafan***. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara seorang anak yang bekerja dapat menjaga ibu bapa tua yang uzur ? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak ini. [4 markah]

### **Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) duduk
- (ii) terduduk
- (iii) penduduk
- (iv) menduduki
- (v) kedudukan
- (vi) berpenduduk

[6 markah]

- (b) Nyatakan pola ayat bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)** atau **Frasa Nama + Frasa Serndi (FN + FS)**.

- (i) Anak kucing itu sangat comel dan manja kepada sesiapa yang mendekatinya.
- (ii) Dia masih di kampung kerana ibunya masih belum sihat.
- (iii) Pihak polis melaporkan bahawa jalan yang runtuh itu masih belum boleh dilalui.
- (iv) Pemandangan pantai Teluk Cempedak pada waktu senja sangat cantik.
- (v) Budak yang membaca buku di perpustakaan itu adik saya.
- (vi) Jenazah pelajar Malaysia yang terkorban di Turki akan dibawa pulang ke tanah air esok.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pelbagai manfaat diperolehi melalui anjuran rumah terbuka terutamanya pada hari-hari perayaan.
- (ii) Para siswazah menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan kerana mereka tidak dapat memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pihak industri.
- (iii) Masalah ketidak selaras istilah turut menyebabkan pelajar sekolah kurang berminat dalam bidang penulisan kerana menganggap istilah-istilah itu sebagai asing dan kurang diaplikasikan dalam hidup seharian.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Rumah Ketua Daerah itu terletak antara masjid dengan sebuah sekolah menengah.
- (ii) Abang tidak tahu yang dia ialah pemenang cabutan nasib yang telah memenangi sebuah kereta ketika Minggu Saham Amanah 2019.
- (iii) Kerajaan telah membatalkan kutipan tol untuk laluan motosikal Jambatan Pulau Pinang di dalam belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

[6 markah]

(e) Baca ayat berikut dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dan maksud dalam ayat tersebut.

- (i) Danial Poong tidak jemu-jemu berusaha untuk memajukan diri dalam sukan bola sepak kerana dia yakin melalui usaha kerasnya pasti dia akan berjaya dalam sukan bola sepak suatu hari nanti.
- (ii) Lokman sentiasa bersikap sederhana dalam berbelanja mengikut kemampuannya setiap bulan kerana dia sedar akan pendapatanya yang terhad.
- (iii) Seseorang yang rajin membaca pelbagai bahan bacaan pasti akan luas pengetahuannya dalam pelbagai bidang.

[6 markah]

#### Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Jendela Menghadap Jalan* Karya Ruhaini Matdarin
- (iii) *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin
- (iv) *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor
- (v) *Tirani* Karya Beb Sabariah
- (vi) *Songket Berbenang Emas* Karya Khairuddin Ayip
- (vii) *Bimasakti Menari* Karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* Karya Nizar Parman

(a) Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, hurlaikan **dua** pengajaran yang telah diketengahkan oleh pengarang.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, hurlaikan **satu** persoalan kegigihan watak utama yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]